

## **BAB TIGA**

### **PADANAN ISTILAH ARAB-MELAYU**

#### **3.0 Pendahuluan**

Istilah ialah kata atau gabungan kata yang dengan jelas menerangkan makna, konsep, proses, keadaan atau ciri yang khusus dalam bidang tertentu (DBP, 1992:3). Dalam konteks kajian ini pula, istilah yang ingin dianalisis ialah sesuatu perkataan yang digunakan untuk berinteraksi di antara ahli keluarga atau masyarakat sama ada ia panggilan penuh ataupun panggilan ringkas.

Setelah menyentuh mengenai makna serta perkara-perkara berkaitan dengan medan makna dalam bab sebelum ini, penulis akan cuba menelusuri peranan medan makna dalam menentukan ketepatan padanan makna bahasa Melayu bagi sesuatu leksikal Arab melalui beberapa contoh istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan. Perlu diberi perhatian di sini bahawa penulis menghuraikan bentuk padanan makna bagi istilah-istilah Arab-Melayu berdasarkan kepada denotasi atau makna leksikal iaitu ‘makna yang

terdapat dalam kamus atau makna perkataan yang tidak terikat hubungannya dengan perkataan lain dalam ayat' (Darwis Harahap, 1994:95). Berikut beberapa contoh istilah kekeluargaan yang ingin dikupas oleh penulis.

### 3.1. Istilah kekeluargaan

Berikut beberapa contoh istilah kekeluargaan yang ingin dikupas oleh penulis:

#### i. Leksikal **خُلُّ**

Menurut Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD) (2006:22), perkataan **خُلُّ** membawa empat makna iaitu:

- 1- saudara kandung, saudara seibu, saudara sebapa,
- 2- kawan,
- 3- saudara susuan (**مِن الرَّضَاعَ**),
- 4- rakan kongsi, setanding dan
- 5- anggota kumpulan.

Di sini timbul persoalan kerana dalam budaya Melayu mereka yang mempunyai pertalian keluarga walaupun bukan adik beradik juga digelar 'saudara'. Ada yang disebut 'saudara dekat' dan ada yang disebut 'saudara jauh'. Adakah mereka ini juga boleh digolongkan dalam golongan **خُلُّ**? Di sini pengkaji ingin memetik peribahasa Arab yang berbunyi:

إِنَّ أَخَاهُكَ مَنْ آسَاكَ

*Sesungguhnya saudara engkau ialah orang yang bersimpati dengan engkau  
(al-Mayda:niyy 512H:72)*

Dalam peribahasa ini orang-orang Arab juga dilihat mengiktiraf sesiapa sahaja yang bersimpati dan tidak menyakiti kita sebagai ‘saudara’. Justeru ia menggalakkan kita agar menghargai sesiapa sahaja yang dianggap saudara. Satu lagi peribahasa yang dilihat lebih jelas menerangkan tentang medan makna penggunaan **أَلْأَخْ** ialah:

رُبَّ أَلْأَخِ لَكَ لَمْ تَلْدِيهُ أُمُّكَ

*Boleh jadi saudara engkau ialah yang bukan dilahirkan oleh ibu engkau.*

*(al-Mayda:niyy 512H:291)*

Justeru kalimah **أَلْأَخْ** meliputi makna yang lebih umum bagi sesiapa sahaja yang disenangi dan tidak hanya terbatas kepada mereka yang mempunyai pertalian darah. Namun kata jamak bagi **أَلْأَخِ** iaitu **إِخْوَةٌ** diterjemahkan kepada saudara yang bermaksud adik-beradik (Abu Abdul Latif 1996:3). Istilah **أَلْأَقْرَبَاءُ** pula membawa maksud ‘saudara-mara yang dekat’. Juga digunakan istilah **أَلْأَدْعُونُ** yang memberi makna yang sama (Abu Abdul Latif 1996:3). Begitu juga keadaannya bagi leksikal feminin bagi **أَلْأَخِ** iaitu **أَلْأَخْتُ**. Daripada medan makna yang diberikan kepada kalimah **أَلْأَخْ** di

atas, kita boleh mengatakan bahawa ‘saudara kandung’ itu boleh jadi hanya seibu atau seapa. Bagaimana pula dengan saudara atau adik beradik seibu seapa? Perkataan الشَّقِيقُ dan الشَّقِيقَةُ dilihat perkataan yang membawa makna yang lebih sepadan dengan istilah ‘saudara lelaki’ dan ‘saudara perempuan seibu seapa’. Selain itu terdapat satu lagi istilah yang dirujuk kepada makna ‘saudara seibu seapa’ iaitu القطْطَةُ (KBAMD 2006:1898) dan الصَّنْوُ (KBAMD 2006:1371).

Melalui analisis yang telah dijalankan dapat disimpulkan di sini bahawa perkataan أَلْأَخُ berpadanan dengan makna ‘saudara’ dalam bahasa Melayu, namun melihat kepada konteks ‘saudara’ yang mempunyai medan makna yang lebih luas maka perkataan أَلْأَخُ tidak seharusnya mewakili makna ‘adik-beradik’ dalam bahasa Melayu walaupun perkataan ‘adik-beradik’ itu boleh tergolong di dalamnya imej ‘saudara’. Dengan lain perkataan semua saudara itu umpama adik-beradik tetapi tidak semua adik-beradik itu umpama saudara. Perkataan yang lebih sesuai untuk memberi makna ‘adik beradik’ ialah الشَّقِيقُ. Jadual di bawah dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap kesimpulan yang dinyatakan tadi:

Jadual 3.1: Padanan makna bagi perkataan berkaitan adik-beradik dan saudara.

Saudara lelaki	الأخُ
Saudara perempuan	الأختُ
Adik-beradik lelaki	الشَّقِيقُ / القطْطَةُ / الصَّنْوُ
Adik-beradik perempuan	الشَّقِيقَةُ / القطْطَةُ / الصَّنْوُ

## ii. Leksikal الْأَبُ

Leksikal ini memberikan maksud ‘bapa’ atau ‘ayah’ bagi perkataan tersebut (KBAMD 2006:8). Namun ia juga digunakan untuk memberi makna ‘datuk’, ‘bapa saudara’ (tidak dinyatakan bapa saudara sebelah ibu atau sebelah bapa) dan ‘pemilik’ sebagaimana yang dipetik daripada Mu‘jam al-Wasi:t□:

الْأَبُ : الْوَالِدُ، وَيَطْلُقُ عَلَى الْجَدِّ وَالْعَمِّ وَالصَّاحِبِ.

(Al-Wasi:t□:3)

Firman Allah S.W.T:

{ وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ أَبَائِي }

*‘Dan aku menurut agama bapa dan datuk nenekku’*

(Surah Yu:suf:38)

Sementara istilah الْأَبَوَانُ pula membawa makna ‘ibu dan bapa’ (al-Wasit:4).

Firman Allah S.W.T:

{ وَوَرَثْتُ أَبَوَاهُ }

*‘...sedang yang mewarisinya hanyalah ibu bapanya’*

(Surah al-Nisa:':32)

Ia juga memberi makna ‘ayah’ dan ‘ayah saudara’ (KBAMD 2006:8).

"الأَبُونَ: الْأَبُ وَالْأُمُّ، وَالْأَبُ وَالجَدُّ، وَالْأَبُ وَالْعَمٌ"

(al-Wasi<sup>□</sup>:t<sup>□</sup>:4)

Justeru jadual di bawah memperincikan medan makna bagi leksikal الْأَبُ dan الْأَبَوَانُ :

Jadual 3.2: Medan makna bagi istilah الْأَبُ dan الْأَبَوَانُ

	Bapa	Datuk	Datuk nenek	Ibu & bapa	Bapa & bapa saudara	Bapa & datuk
الْأَبُ	✓	✓	✓		✓	
الْأَبَوَانُ				✓	✓	✓

Daripada pengelasan yang dilakukan terhadap istilah الْأَبُ dapatlah dirumuskan bahawa istilah ini pada dasarnya memberi padanan makna bagi ‘bapa’ dalam bahasa Melayu namun penggunaannya telah diperluaskan meliputi makna ‘bapa’, ‘datuk’, ‘datuk nenek’, ‘bapa saudara’ dan ‘ibu bapa’.

### iii. Leksikal **الْبَاهِلَةُ / الْتَّيْبُ / الْأَرْمَلُ**

Terdapat beberapa leksikal yang diberi padanan makna bagi istilah ‘janda’ dalam bahasa Melayu. Di antaranya ialah perkataan **الْتَّيْبُ**, **الْأَرْمَلُ** dan **الْبَاهِلَةُ**. Perkataan **الْأَرْمَلُ** memang sesuai dipadankan dengan istilah ‘janda’. Namun ingin penulis sentuh di sini ialah kata nama maskulin bagi iaitu **الْأَرْمَلُ** diberi terjemahan ‘duda’ dan ‘bujang’ (KBAMD 2006:967). Makna yang sama juga terdapat dalam Mu‘jam al-Sabiq fi-hakikat al-azmāl di mana perkataan **الْأَرْمَلُ** memberi maksud ‘lelaki yang tidak mempunyai isteri’ dan **الْأَرْمَلَةُ** sebagai ‘perempuan yang kematian suami’ (al-Jawhariyy:428). Di sini timbul persoalan adakah perkataan **الْأَرْمَلَةُ** juga membawa maksud ‘perempuan bujang’ atau ‘anak dara’?

Bagi perkataan **الْتَّيْبُ** tidak mempunyai masalah kerana ia hanya mempunyai satu padanan makna iaitu ‘janda’. Begitu juga dengan perkataan **الْبَاهِلَةُ**. Namun ia juga memberi makna yang lebih terperinci iaitu ‘janda yang tidak mempunyai anak’. Begitu juga dalam bahasa Melayu, jika seseorang janda itu mempunyai anak, istilah ‘ibu tunggal’ digunakan kerana ia dilihat lebih lembut. Manakala istilah **الرَّدِي / الْمَرْدُوَةُ** juga membawa maksud ‘wanita yang diceraikan suami’ (KBAMD:879-880). Manakala bagi istilah ‘balu’ iaitu ‘perempuan yang menjadi janda kerana kematian suami’

(Kamus Dewan 2002:97) pula, padanan yang dilihat hampir tepat dengannya ialah **الْفَاقِدُ** iaitu ‘wanita yang kematian suami atau anak’ (KBAMD:1789). Bagi lelaki yang tidak berkahwin atau apa yang diistilahkan dalam bahasa Melayu sebagai ‘bujang terlajak’ pula boleh dipadankan dengan istilah **الْمُكَسَّعُ** (KBAMD:2001).

Jadual di bawah dapat menerangkan makna setiap perkataan secara lebih mudah:

Jadual 3.3: Padanan makna bagi istilah ‘janda’, ‘balu’, ‘bujang’ dan ‘duda’.

	الْأَرْمَلُ	الْأَرْمَلُ	الشَّيْبُ	الْبَاهِلَةُ	الرَّدَى/الْمَرْدُودَةُ	الْفَاقِدُ	الْمُكَسَّعُ
Janda	✓		✓	✓	✓		
Janda yang tidak mempunyai anak				✓			
Balu						✓	
Bujang terlajak							✓
Duda		✓					

Melalui perincian makna yang dilakukan dapatlah dibuat rumusan di sini bahawa perkataan ‘janda’ mempunyai banyak istilahnya dalam bahasa Arab.

#### iv. Leksikal الْأَبْنُ

Perkataan ini diberi padanan makna ‘anak lelaki’ dalam bahasa Melayu. Terdapat juga perkataan الْأَبْنُ yang membawa makna ‘anak lelaki’. Istilah الْمَوْهُوبُ juga membawa maksud ‘anak’ (KBAMD:2698) kerana ia diambil daripada makna الْهِيَةُ yang bermaksud ‘pemberian’ iaitu anak adalah pemberian Tuhan. Begitu juga dengan perkataan النَّخْلُ dan الشَّلْحُ yang bermaksud ‘anak kandung lelaki’ (KBAMD:2006:1284).

#### v. Leksikal الْحَمَى

Gabungan perkataan الرَّجُلُ dan الْمَرْأَةُ dengan perkataan الْحَمَى dilihat memberi makna yang agak kontra. Istilah حَمَى المَرْأَةِ memberi maksud ‘menantu lelaki dan kaum kerabat lelaki daripada sebelah suami’. Manakala istilah حَمَى الرَّجُلِ memberi maksud ‘menantu lelaki dan kaum kerabat lelaki daripada sebelah isteri’. Kata jamaknya ialah أَحْمَاءُ. Sementara istilah الْحَمَاءُ pula membawa maksud ‘keluarga terdekat’ (KBAMD 2006:529).

Daripada apa yang dibawakan tadi, dapat disimpulkan bahawa istilah الْحَمَى membawa padanan ‘menantu lelaki’ dan ‘kaum kerabat lelaki’. Selain istilah yang biasa digunakan untuk menantu lelaki dan menantu perempuan ialah زَوْجُ الْبَنْتِ dan زَوْجُ الْأَبْنُ. Selain istilah-istilah di atas, penulis juga menemui suatu leksikal yang dikira lebih tepat untuk makna

‘menantu’ iaitu **الْخَتُنُ** bagi menantu lelaki dan **الْخَتَنَةُ** bagi menantu perempuan (KBAMD 2006:574).

#### vi. Leksikal **التَّبَنِي**

Leksikal ini dipadankan dengan istilah ‘angkat’ dalam sistem hubungan keluarga. Disebut **الْبُنْثُ الْمُتَبَنِي** dan **الْأُبْنَى الْمُتَبَنِيَّةُ** sebagai ‘anak angkat lelaki’ dan ‘anak angkat perempuan’. Selain itu, penulis ingin mengemukakan beberapa istilah yang membawa padanan makna ‘anak angkat’ iaitu perkataan **الدَّعِيُّ** (KBAMD 2006:748). Kata jamaknya ialah **الْأَدْعِيَاءُ**. Disebut dalam al-Quran:

{وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ}

*‘Dan Dia tidak menjadikan anak-anak angkat kamu sebagai anak kandung kamu (sendiri) (al-Ah~~ل~~ل~~ل~~a.b:33).*

Selain itu, istilah **الْحَمِيلُ** juga diterjemahkan sebagai ‘anak angkat’.(KBAMD 2006:526). Selain ‘anak angkat’, istilah ini juga diberi makna ‘budak terbiar’/ ‘anak terbiar’/ ‘tawanan’/ ‘orang asing’.(KBAMD 2006:526). Satu lagi istilah ialah **السَّيِّدُ** yang diambil daripada kata akar سَنَدٌ, يُسَنَّدُ, سُنُودًا yang bermaksud ‘menyandarkan’. Kata femininnya ialah **السَّيِّدَةُ** (KBAMD 2006:1191).

Daripada penemuan di atas, banyak perkataan yang boleh digunakan sebagai terjemahan katawi bagi istilah ‘anak angkat’. Ini mungkin kerana budaya ‘keluarga angkat’ ini merupakan budaya yang mungkin diamalkan oleh kebanyakan masyarakat di dunia ini.

## vii. Leksikal *الْخُنُونُ*

Leksikal ini diambil daripada kata akar حَنَّ, يَحْنُّ, حَنَّاً yang bermaksud ‘mengasihani’ (KBAMD 2006:536). Istilah *الْخُنُونُ* pula memberi maksud:

1. Penyayang
2. Perempuan yang berkahwin lagi kerana sayangkan anaknya (KBAMD 2006:536).

Kata akar حَنَّ, يَحْنُّ, حَنَّاً juga membawa maksud ‘mengasihani’ tetapi terdapat maksud kedua yang sedikit berlawanan dengan maksud *الْخُنُونُ* seperti yang diterangkan di atas iaitu ‘perempuan yang **tidak** berkahwin lagi kerana sayangkan anaknya sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Munji:d bagi istilah امْرَأَةٌ حَنَانَةٌ iaitu ‘perempuan yang amat mengasihi anak dan bekas suaminya lalu bersedih (dengan tidak berkahwin lagi) (al-Munjid:338). Jadi apa yang dapat dirumuskan di sini ialah terdapat perbezaan sebalik di antara istilah امْرَأَةٌ حَنَانَةٌ dengan امْرَأَةٌ حُنُونٌ dari sudut ‘berkahwin’ dengan ‘tidak berkahwin’ walaupun sebab perbuatan adalah sama iaitu ‘kerana sayangkan anak’.

### viii. Leksikal **المُحَلّ**

Istilah ini dikenali sebagai ‘Cina buta’ dalam istilah masyarakat Melayu, iaitu ‘lelaki yang menikahi perempuan yang telah ditalak tiga oleh suaminya, kemudian diceraikannya supaya perempuan itu dapat berkahwin semula dengan bekas suaminya (Kamus Dewan 2005:240). Dalam suatu hadis Rasulullah s.a.w bersabda:

"لَعْنَ اللَّهِ أَمْ حَلَّ وَالْمُحَلَّ لَهُ"

‘Allah s.w.t telah melaknat kedua-dua yang menghalalkan (Cina buta) dan yang dihalalkan baginya (suami yang menceraikan)’<sup>1</sup>.

### ix. Leksikal **الرَّبِيبُ** dan **الرَّبِيبَةُ**

Kedua-dua leksikal ini memberi maksud ‘anak tiri perempuan’ dan ‘anak tiri lelaki’. Padanan makna tersebut memang diakui tepat. Namun terdapat satu lagi istilah yang dilihat lebih menjurus kepada ‘anak tiri lelaki’ iaitu **الْمُرْكُلُ** yang membawa maksud ‘anak lelaki isteri daripada suami yang pertama’ (al-Munji:d:863). Manakala padanan makna bagi istilah ‘bapa tiri’ dan ‘ibu tiri’ pula jika dirujuk dalam Kamus al-Marbawi, kedua-dua istilah ini

---

<sup>1</sup> Hadith diriwayatkan oleh al-Tirmidhiyy dalam Sunannya Bab Nikah (al-Sha:fi‘iyy 1984:184)

diterjemahkan sebagai زوج الأم ووجه الأب. Penulis merasakan padanan tersebut boleh diterima namun jika diterjemahkan ia dilihat lebih cenderung kepada penjelasan iaitu ‘suami kepada ibu’ dan ‘isteri kepada bapa’. Adalah lebih baik jika kita dapat menggunakan istilah الرابٌ bagi ‘bapa tiri’ dan الرائبةُ bagi ‘ibu tiri’ .(KBAMD 2006:841) kerana ia dilihat lebih ringkas dan padat.

#### x. Leksikal المولود

Seringkali kita tersilap dengan menterjemahkan istilah المؤلود sebagai ‘anak kacukan’. Padanan terjemahan ini menggambarkan seolah-olah seorang مولود itu ialah mereka yang berdarah kacukan sama ada ibunya seorang Arab dan bapanya berbangsa selain Arab atau bapanya seorang Arab dan ibunya bukan berbangsa Arab. Persepsi sebegini tidak tepat sama sekali kerana huraian makna sebenar bagi istilah المؤلود ialah yang dilahirkan dalam masyarakat Arab dan hidup serta dibesarkan mengikut adat dan kebudayaan orang Arab tetapi mereka bukan orang Arab (al-Wasi:t 1068). Seseorang boleh digelar ‘al-muwallad’ sedang ayah dan ibunya seorang berbangsa Melayu, Parsi, Turki, Inggeris dan sebagainya.

Istilah yang lebih tepat ialah المذرع yang bermaksud ‘anak kacukan, emak atau bapanya Arab’(KBAMD 2006:814) dan terdapat istilah yang lebih khusus bagi mereka yang hanya ibunya orang Arab tetapi ayahnya bukan iaitu الأفصن (KBAMD 2006:1914) manakala bagi seseorang yang bapanya

pula Arab dan ibunya bukan Arab digelar الْمَحِينُ (Ibid: 492). Kamus Dewan pula telah memasukkan entri ‘muwallad’ dengan menukar huruf akhirnya menjadi ‘muwalat’ untuk disesuaikan dengan ejaan Melayu dan menterjemahkannya sebagai ‘keturunan, baka, zuriat (Kamus Dewan:914).

## xii. Leksikal الْخَالُ وَ الْعَمُ

Kebiasaan sesuatu bahasa tidak mempunyai istilah khusus yang menerangkan makna sebenar bagi sesuatu istilah dalam bahasa lain. Ia berlaku dalam bahasa Melayu apabila tiada istilah khusus yang mempunyai padanan makna bagi perkataan الْخَالُ وَ الْعَمُ.

Kedua-dua istilah ini hanya diterjemahkan dalam bentuk penerangan iaitu ‘bapa saudara sebelah ibu’ dan ‘bapa saudara sebelah bapa’. Begitu juga dengan istilah الْخَالَةُ وَ الْعَمَّةُ iaitu ‘emak saudara sebelah ibu’ dan ‘emak saudara sebelah bapa’ (‘Umar Mukhta:r ‘Allhmad 1982:264). Fenomena yang sama terjadi bagi istilah ‘sepupu’ di mana bahasa Melayu tidak mempunyai istilah khusus bagi membezakan di antara sepupu lelaki sebelah ibu, sepupu lelaki sebelah bapa, sepupu perempuan sebelah ibu dan sepupu perempuan sebelah bapa sedangkan dalam bahasa Arab kita dapat membezakannya melalui istilah:

- |               |                             |
|---------------|-----------------------------|
| ابنُ الْعَمِ  | :sepupu lelaki sebelah bapa |
| ابنُ الْخَالِ | :sepupu lelaki sebelah ibu  |

**بِنْتُ الْعَمِّ** :sepupu perempuan sebelah bapa

**بِنْتُ الْخَالِ** :sepupu perempuan sebelah ibu

## xii. Leksikal **المصاہرۃ**

Leksikal ini bermaksud ‘berbesan’(KBAMD 2006:1372). ‘Besan lelaki’ dan ‘besan perempuan’ disebut الصَّهْرُ dan الصَّهْرَةُ (KBAMD 2006:1372). Istilah ini juga digunakan untuk ‘menantu’ sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Munjid (1986:438)

الصَّهْرُ ج أَصْهَارُ م صَهْرَةٌ: الْقَرَابَةُ، زَوْجُ الْأَبْنَاءِ أَوْ الْأَخْتِ.

Di sini terdapat kekeliruan bagi mereka yang ingin menterjemah istilah ini kerana ia memberi dua makna berbeza yang kedua-duanya sesuai untuk sesuatu situasi. Lihat contoh ini, جَاءَ عَلَيْيَ مَعَ صَهْرِهِ ۝.

Ayat di atas boleh diterjemahkan sebagai:

- Ali tiba bersama menantu lelakinya.
- Ali tiba bersama besan lelakinya.

Di sini penulis lebih cenderung untuk menggunakan padanan makna ‘besan’ bagi istilah الصَّهْرُ berdasarkan ayat al-Quran:

{وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ نَسَبًا وَصَهْرًا}

*‘Dan Dia telah menciptakan manusia daripada air, lalu Dia jadikan manusia itu mempunyai keturunan dan berbesan’* (‘Al-‘Ahzâb

Jelas melalui ayat ini perkataan **الصّهْرُ** bermaksud ‘besan’. Jadi apa pula istilah yang lebih tepat untuk ‘ipar’? Istilah yang lebih hampir maknanya untuk ‘ipar’ ialah **السَّلْفُ** dan **السَّلْفَةُ** yang bermaksud ‘adik/abang isteri’ dan ‘adik/abang suami’ (KBAMD 2006:1169-1170). Selain itu terdapat istilah yang lebih khusus kepada ‘biras seorang lelaki’ iaitu **الظَّابُ** dan **الظَّامُ** (KBAMD 2006:1487). Sekiranya kita merujuk kepada kata kerja **ظَاءَمَ** dan **ظَاءَبَ** didapati kedua-duanya membawa makna sinonim iaitu ‘berkahwin adik-beradik, yang seorang berkahwin dengan kakaknya dan seorang lagi berkahwin dengan adiknya’ (KBAMD 2006:1487).

### xiii. Leksikal **الْعَاقِرُ** dan **الْعَقِيمُ**

Kedua-dua istilah ini membawa maksud ‘mandul’ dalam bahasa Melayu yang bererti ‘lelaki atau perempuan berkahwin yang tidak mempunyai anak’ sama ada mandul kerana penyakit ataupun kerana sudah berusia. Selain kedua-dua istilah tersebut, istilah, **الجَارِزُ** memberi maksud ‘perempuan mandul’ (KBAMD:293) manakala istilah **الْمُحِيلُ** pula memberi maksud ‘yang tidak beranak’ (KBAMD:550). Istilah **الْقَحَادُ** juga boleh digunakan kerana ia memberi maksud ‘orang yang tidak mempunyai saudara atau anak’ (KBAMD:1835).

Namun terdapat istilah yang lebih memperincikan istilah ‘tiada anak’ ini apabila mengkhususkan kepada anak lelaki sahaja iaitu istilah **الْمُقْلَاتُ** yang beraksud ‘perempuan yang tidak mempunyai anak lelaki’ (KBAMD:1921). Terdapat maksud kedua bagi istilah ini iaitu ‘perempuan yang beranak seorang sahaja’. Di sini mungkin dari segi konotasinya kedua-dua makna yang dijelaskan adalah sama kerana yang dimaksudkan dengan ‘beranak seorang’ itu ialah anak perempuan. Tetapi penulis tidak pula menemui istilah khusus bagi ‘perempuan yang tidak mempunyai anak perempuan’. Ini mungkin kerana dalam sosiobudaya Arab (Islam) anak lelaki mempunyai kepentingan kerana dilihat akan mewarisi ‘keketuaan’ dalam keluarga sehingga terdapat istilah khusus terhadap ibubapa yang tidak mempunyai anak lelaki.

Selain itu penulis ingin menyenaraikan satu lagi istilah yang membawa makna ‘lelaki atau perempuan yang tidak mempunyai anak’ iaitu **الرَّقُوبُ** (KBAMD:941). Namun terdapat makna kedua yang juga menarik perhatian kerana ia juga berkaitan dengan sosial iaitu ‘wanita yang mengharapkan kematian suaminya kerana ingin mewarisi hartanya atau berkahwin lagi’ Bagi makna kedua ini tidak dapat diberikan padanan istilah yang berkaitan dalam bahasa Melayu kecuali istilah ‘pisau cukur’ yang memberi makna yang hampir walaupun tidak meliputi keseluruhan maksud di dalam bahasa Arab. Namun jika merujuk kepada al-Munjid (1986:274) istilah **الرَّقُوبُ** membawa maksud ‘perempuan yang kematian anak lelaki’ **الَّتِي مَاتَ وَلَدُهَا**.

Justeru istilah ini tidak sesuai untuk diterjemahkan sebagai ‘mandul’ kerana perkataan ‘mandul’ merujuk kepada ketiadaan anak kerana masalah penyakit yang dihadapi oleh ibu atau bapa’.

#### xiv. Leksikal الْكَابِرُ

Kita jarang ditemukan dengan istilah yang sepadan dengan kata ‘moyang’ dalam bahasa Arab. Istilah ini atau istilah ‘moyanganda’ dalam bahasa halusnya (digunakan oleh golongan istana) membawa maksud ‘bapa atau ibu kepada datuk atau nenek kepada bapa atau ibu’ (Kamus Dewan:899). Bagi kebanyakan kamus Melayu-Arab, istilah moyang hanya diterjemahkan sebagai أَبُو الْجَدْ (ayah kepada datuk) (Kamus al-Azhar 2002:380). Di dalam KBAMD istilah ini diterjemahkan dengan kata الْكَابِرُ. Selain memberi maksud moyang, ia juga membawa maksud ‘yang besar’ dan ‘tuan’ (KBAMD:1970). Ada logiknya kata ini dipilih kerana ia diambil daripada makna asalnya iaitu ‘yang besar’. Moyang dilihat besar pada usianya yang telah lanjut dan sekiranya masih hidup, mereka merupakan yang paling tua dalam keluarga.

## xv. Leksikal المُؤْلِي

Istilah المُؤْلِي membawa pelbagai makna yang berkaitan dengan kekeluargaan dan kemasyarakatan. Di antara makna istilah ini yang dinyatakan dalam KBAMD ialah:

- 1) Tuhan,
- 2) Pemilik, yang empunya,
- 3) Penguasa
- 4) Yang bercinta,
- 5) Teman, rakan,
- 6) Sekutu,
- 7) Tetamu,
- 8) Jiran,
- 9) Rakan kongsi,
- 10) Besan,
- 11) Keluarga terdekat,
- 12) Yang memberi nikmat,
- 13) Yang menerima nikmat,
- 14) Yang membebaskan,
- 15) Hamba dan
- 16) Pengikut.

Kepelbagaiannya makna bagi perkataan *الْمَوْلَى* ini juga dapat diperhatikan dalam Lisa:n al-‘Arab di mana ia memberi makna (Lisa:n al-‘Arab 1990:410-411):

- 1) Rakan,
- 2) Pengikut,
- 3) Pemilik,
- 4) Hamba,
- 5) Jiran,
- 6) Sekutu,
- 7) Anak saudara dan
- 8) Sepupu (Lisa:n al-‘Arab 1990:410-411).

Daripada data yang dikumpul dapatlah dibuat kesimpulan bahawa istilah *الْمَوْلَى* ini mempunyai pelbagai padanan makna. Justeru itu, kita harus berhati-hati dalam menterjemahkan istilah ini kerana ia boleh memberi pelbagai kemungkinan makna yang agak sukar dipastikan kerana sebahagian besar maknanya berada dalam lingkungan medan makna yang sama iaitu keluarga dan masyarakat.

### **3.2 Istilah Kemasyarakatan**

- 1) Selain istilah kekeluargaan, terdapat juga istilah-istilah kemasyarakakaan yang tiada padanan makna yang tepat dalam bahasa Melayu. Ini

kerana faktor budaya yang berbeza di antara penutur kedua-dua bahasa sebagaimana yang dinyatakan oleh J.C.Catford (1965:94-99):

*“...paduan perkataan yang barangkali tidak dapat diterjemahkan itu dapat dibezakan menurut sumber masalahnya dan digolongkan ke dalam apa yang disebut sebagai ‘ketidakdapat terjemahan’<sup>1</sup> dari segi budaya’ (cultural unstranalability) dan ‘ketidakdapat terjemahan’ dari segi linguistik’ (linguistic unstranalability)”.*

Istilah-istilah ini boleh dibahagikan kepada dua unsur utama iaitu kebendaan dan adat resam masyarakat.

### **3.2.1 Kebendaan**

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, unsur-unsur material di antara bidang bahasa Arab dengan bidang bahasa Melayu ada persamaan dan ada perbezaannya. Persamaan bidang akan melahirkan imej mental yang sama dalam kedua-dua bahasa. Sebagai contoh tempat kediaman iaitu rumah boleh digambarkan imejnya melalui perkataan بَيْتٌ.

Kewujudan perbezaan medan makna dalam bidang kebendaan bagi kedua-dua bahasa pula akan menyebabkan terjemahan secara harfiah menjadi

---

<sup>1</sup> Istilah ini telah digunakan oleh Abdul Basir Awang dalam disertasinya yang bertajuk ‘Ketidakbolehterjemahan Katawi Dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu’. Disertasi ini telah diterima dan diluluskan oleh pihak UKM pada tahun 2002.

sukar untuk dilakukan. Justeru hanya penerangan yang boleh dilakukan bagi menerangkan maksud sesuatu perkataan atau istilah.

### 3.2.1.1 Makanan

Terdapat beberapa istilah makanan tradisi masyarakat Arab yang dilihat agak sukar diberikan makna dalam bahasa Melayu kecuali diberi penerangan akan bentuk dan fungsinya. seperti yang dinyatakan oleh Juan C.Sager (1995:63):

*'...suatu istilah bahasa sasaran yang serasi hanya dapat dikatakan padanan terjemahan yang sesuai dan bukan pewujudan linguistik yang serasi konsep'* (1995:63).

Sebagai contoh berikut beberapa makanan tradisi Arab seperti:

- a) كُبَّ yang bermaksud ‘roti yang dimakan bersama daging, sama ada secara mentah, dibakar atau direbus (al-Munjid:669).
- b) الدَّبِسُ yang bermaksud ‘nira kurma yang diminum tanpa dimasak sebelumnya’ (Ibid:206).
- c) الْوَطِيَّةُ yang bermaksud ‘tamar yang dikisar dengan susu (Ibid:906).
- d) النُّزُلُ yang bermaksud ‘hidangan makanan yang mempunyai keberkatan’ (Ibid:802).
- e) السَّلَاطَةُ ‘makanan yang diperbuat daripada sejenis sayur-sayuran yang dicampur dengan cuka dan garam (jeruk)’(Ibid:344)

- f) الْوَحِيفَةُ ‘makanan yang diperbuat daripada susu kering yang disiram ke atasnya air dan dicampur dengan lemak kemudian diuli (KBAMD:2604)
- g) الْوَغْلُنُ ‘makanan yang rosak’ (Ibid:2665), اهْلَامٌ ‘kuah daging yang dimasak dengan cuka yang telah membeku dan tidak mempunyai lemak’ (Ibid:2537).

Perkataan-perkataan ini sudah tentu tidak dapat diterjemahkan secara harfiah dengan mana-mana istilah makanan dan minuman Melayu.

### 3.2.1.2 Pakaian

Selain makanan, bidang pakaian Arab juga tidak terkecuali daripada istilah-istilah yang tidak dapat digambarkan imejnya dalam pemikiran orang-orang Melayu kerana tiada medan makna yang sesuai bagi perkataan tersebut. Contohnya seperti perkataan البرقعُ yang bermaksud ‘sejenis pakaian perempuan yang menutupi seluruh kepala dan wajah’ (‘Abd al-Fatta:h□&Hussayn Yu:suf:162), الجَرْرُ yang bermaksud ‘sejenis pakaian perempuan yang diperbuat daripada bulu dan kulit kambing’ (Ibid:163) dan sebagainya.

### **3.2.1.3 Peralatan**

Selain itu, nama-nama peralatan juga banyak yang sukar diterjemahkan kerana tiada istilah sepadan baginya dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah اَلْمَأْوِنْ<sup>ٌ</sup> yang bermaksud ‘lesung yang diperbuat daripada besi atau tembaga’ (KBAMD:2557), الْمُهَنْدُ<sup>ٌ</sup> ‘pedang yang diperbuat daripada besi India’<sup>1</sup> (Ibid:2548), الْمُنْقَعَةُ<sup>ٌ</sup> ‘bekas susu atau tamar’ (Ibid:2423) dan lain-lain lagi.

### **3.2.2 Adat Resam Masyarakat**

Setiap tempat mempunyai adat resam dan tradisi yang tersendiri. Ia berbeza-beza mengikut bidang dan budaya sesuatu tempat. Adat resam meliputi bidang-bidang seperti peraturan, undang-undang, hukum, cara hidup dan pantang larang yang diterima dan diamalkan oleh individu dan masyarakat. Bangsa Arab merupakan suatu bangsa yang besar, menduduki kawasan yang luas dan mempunyai pelbagai bentuk muka bumi. Oleh kerana itu kemungkinan terdapat adat resam yang diamalkan oleh sesetengah kelompok masyarakat Arab yang tidak diketahui oleh sebahagian yang lain. Adat meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuk makanan, pakaian, perkahwinan, perayaan dan sebagainya.

---

<sup>1</sup> Orang-orang Arab dahulu mengiktiraf pedang yang diperbuat daripada besi India adalah pedang terbaik.

Antara adat pakaian termasuklah <sup>١</sup>السُّورَةٌ, <sup>٢</sup>الْعَرْمَةٌ, <sup>٣</sup>الرِّبُّونٌ dan sebagainya. Begitu juga dalam perkahwinan, terdapat istilah-istilah berkaitan adat seperti <sup>٤</sup>الْحُمَّامَاتِ, <sup>٥</sup>الْفُقَهَةُ, <sup>٦</sup>لَيْلَةُ الْحِيمَةِ dan sebagainya.

Dalam masyarakat Mesir terdapat adat-adat yang bersesuaian dan bertentangan dengan Islam. Contohnya شُمُ النَّسِيمِ, حِدَادٌ, وَفَاءُ النَّيْلِ, dan sebagainya. Perkataan-perkataan di atas sudah tentu tidak dapat diterjemahkan secara harfiah kerana ia mempunyai konsep yang tersendiri berkenaan dengan adat. Penterjemahan dengan ‘mencium angin pagi’, ‘berkabung’ dan ‘menunaikan janji’ tidak dapat difahami atau mungkin mengakibatkan padanan makna yang tidak tepat konsepnya bagi orang Melayu (Abdul Basir Awang:2002).

Selain itu, terdapat adat-adat berbentuk keagamaan yang diamalkan oleh sekelompok masyarakat seperti istilah يَوْمُ الْحَزِينِ. Bagi penganut Syiah, hari tersebut merupakan suatu hari yang perlu disambut oleh orang-orang Islam bagi menunjukkan rasa kasih dan sayang kepada keluarga Nabi. Begitu juga dengan istilah عِيدُ التَّوْرُوزِ yang bermaksud ‘hari raya yang terbesar dalam taqwim Parsi (KBAMD:2458).

<sup>1</sup> Baju yang dibuat daripada kapas (Mahmud Shakir 1972:70)

<sup>2</sup> Kain yang dililit di atas kepala (Ibid).

<sup>3</sup> Kain yang dililit atas kepala (Ibid).

<sup>4</sup> Hari Isnin, pengantin lelaki menghantar persolekan kepada pengantin perempuan (Ibid).

<sup>5</sup> Hari menghiasi pengantin prempuan (Ibid).

<sup>6</sup> Perempuan yang ditugaskan untuk menyanyi pada hari perkahwinan (Ibid).

Daripada huraihan di atas dapatlah disimpulkan bahawa terdapat banyak istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan Arab yang sukar diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa bahasa Arab kaya dengan perbendaharaan kata berbanding bahasa Melayu. Keadaan ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana perlu diingat bahawa bahasa dan budaya Arab dipraktikkan oleh berjuta-juta penutur di dalam kawasan yang luas. Tambahan pula kehidupan mereka yang suatu ketika dahulu suka berpindah-randah untuk mencari sumber air dan rumput. Pengalaman-pengalaman ini menjadikan bahasa mereka luas dan mempunyai konsep yang berbeza antara satu sama lain (Sibhah Sahliah 292).

Selain itu, bahasa Arab sendiri telah menyediakan pelbagai kaedah untuk pengembangan bahasanya seperti 'ism al-masdhar, 'ism al-fi'il, 'ism al-maf'u'l, al-ishtiqa:q dan sebagainya. Dengan menggunakan kaedah-kaedah ini, bahasa Arab dapat mencipta istilah dan bahasa sendiri sesuai dengan keadaan semasa. Inilah juga salah satu faktor yang menyebabkan bahasa Arab bertambah luas.

### **3.3 Kesimpulan**

Daripada kajian dan analisis yang telah dijalankan dengan menggunakan beberapa contoh istilah bahasa Arab tersebut, pengkaji ingin membuat beberapa kesimpulan dan rumusan:

- 1) Dalam proses penterjemahan, adakalanya penterjemah berhadapan dengan paduan beberapa perkataan yang kelihatan ‘tidak dapat diterjemahkan’. Ia disebabkan kerana perbezaan sosiobudaya bahasa sumber dengan bahasa terjemahan atau kerana perbezaan linguistik di antara kedua bahasa itu sendiri.
- 2) Terdapat istilah-istilah yang tidak mempunyai padanan istilah yang merujuk kepada maknanya dalam bahasa sasaran. Hal ini bukanlah sesuatu yang luarbiasa kerana mustahil untuk kita memperolehi padanan makna berbentuk istilah yang tepat untuk semua istilah dalam bahasa sumber. Justeru itu juga ia dinamakan sebagai ‘padanan terjemahan’.
- 3) Perkataan-perkataan yang tidak dapat diterjemahkan ini juga menunjukkan kepada perlunya kajian dan penilaian semula dilakukan terhadap kemampuan sesuatu bahasa seperti bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan peristikahan terhadap kata-kata pada bahasa sumber seperti bahasa Arab agar ia tidak dilihat sebagai bahasa yang cetek dari segi istilahnya. Penilaian harus meliputi aspek-aspek rekonstruksi<sup>1</sup>, dekonstruksi<sup>2</sup> dan etimologi<sup>3</sup> sesuatu kata.

---

<sup>1</sup> Rekonstruksi: proses yang mencuba membentuk semula bentuk-bentuk atau kata-kata dalam bahasa yang lebih awal yang menurunkan bahasa yang ada.

<sup>2</sup> Dekonstruksi: pemecahan sesuatu bentuk kepada unsur-unsurnya.

<sup>3</sup> Etimologi: sejarah pembinaan sesuatu kata.

- 4) Di samping istilah-istilah yang tidak dapat diterjemahkan, terdapat juga lebih daripada satu istilah Arab yang mepunyai padanan makna bagi sesuatu leksikal dalam bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahasa Arab lebih kaya dari segi perbendaharaan kata berbanding bahasa Melayu. Ini memang diakui kerana kewujudan bahasa Arab jauh lebih lama berbanding kewujudan bahasa Melayu.
  
- 5) Terdapat juga istilah-istilah berkaitan kemasyarakatan khususnya adat dan tradisi sesuatu masyarakat yang tidak dapat diterjemahkan secara katawi melainkan sekiranya terdapat konsep pemikiran yang sama terhadap sesuatu adat dan tradisi itu.